

# Najib dilepas tanpa dibebaskan kes pengubahan wang haram RM27 juta

UTUSAN MALAYSIA 21 JUN 2025 w/s: 12

Oleh SUWARNI MOKHTAR  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) daripada tiga pertuduhan pengubahan wang haram RM27 juta milik SRC International Sdn. Bhd. oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Ini merupakan kali kedua Najib mendapat perintah DNAA yang mana kes pertama memabitkan enam pertuduhan pecah amanah harta kerajaan berjumlah RM6.6 juta berkaitan bayaran kepada International Petroleum Investment Company (IPIC) bersama bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Mereka diberikan perintah DNAA pada 27 November 2024 oleh Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin atas alasan kelewatan melampau oleh pihak pendakwaan untuk memulakan perbicaraan ekoran kesukaran mendapatkan dokumen.

Pada prosiding semalam, Hakim K. Muniandy memutuskan demikian selepas membenarkan permohonan bekas Ahli Parlimen Pekan itu atas alasan kes tersebut berlanjutan begitu lama dan pihak pendakwaan tidak bersedia memulakan perbicaraan dalam masa terdekat.

Bagaimanapun, keputusan diumumkan itu bukanlah kebebasan penuh kerana Najib boleh



**NAJIB Razak ketika hadir pada keputusan permohonan untuk DNAA tiga tuduhan kes pengubahan wang haram RM27 juta di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR ISHAK**

didakwa semula dan dibicarakan atas pertuduhan yang sama.

“Tarikh (perbicaraan baharu) diberikan perlu panjang untuk membolehkan pihak pendakwaan mendapatkan dan mengumpul semua bukti dokumentari kira-kira 807 eksibit.

“Walaupun sebelum ini dimaklumkan bahawa dua set dokumen dan sembilan pernyataan saksi diserahkan kepada pihak pembelaan, pihak pendakwaan menyatakan terdapat bukti dokumentari yang masih perlu diperoleh dan disusun semula.

Ini menunjukkan ketidakseediaan pihak pendakwaan untuk terus membicarakan kes ini.

“Mahkamah juga perlu mempertimbangkan bahawa jika bukti dokumentari berjaya diperolehi, ia mesti diserahkan kepada tertuduh mengikut Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah untuk membolehkan beliau menyediakan pembelaan dengan sewajarnya setelah berbincang dengan peguamnya. Oleh itu, kemungkinan berlaku lagi penangguhan adalah tinggi.

“Setelah tertuduh didakwa di

mahkamah, pertuduhan tidak boleh tergantung tanpa penghujung untuk tempoh yang tidak ditentukan. Itu adalah tidak adil dan menyalahi undang-undang. Apabila seseorang tertuduh didakwa, beliau berhak mendapat proses undang-undang yang sewajarnya dan keadilan yang cepat, tanpa mengira siapa pun beliau,” kata hakim.

Hakim Muniandy turut menyatakan, tiada bukti menunjukkan bahawa pihak pendakwaan mampu meneruskan perbicaraan dalam masa terdekat atau dalam masa yang munasabah.

“Timbalan Pendakwa Raya sendiri mengakui bahawa tiada prejudis terhadap pendakwaan sekiranya perintah DNAA diberikan seperti dimohon oleh pihak pembelaan.

“Berdasarkan keseluruhan keadaan, pihak pendakwaan kini tidak bersedia untuk meneruskan perbicaraan terhadap pertuduhan pengubahan wang haram yang didakwa berlaku pada tahun 2014.

“Maka, perintah yang paling sesuai ialah untuk membebaskan tertuduh tanpa melepaskannya (DNAA), supaya beliau tidak terus dibebani dengan pertuduhan tersebut. Malah, tiada sebarang prejudis kepada pihak pendakwaan dengan pembebasan ini, kerana mereka masih boleh meneruskan kes apabila sudah bersedia,” katanya.

Kes pengubahan wang haram RM27 juta itu sepatutnya mula dibicarakan di hadapan Hakim

Datuk Mohamad Zaini Mazlan (kini Hakim Mahkamah Rayuan) pada 5 Julai 2021, namun ditangguhkan selepas pihak pembelaan memaklumkan tarikh perbicaraan bertindih dengan bicara kes-kes jenayah dan sivil yang dihadapi Najib ketika itu.

Najib didakwa di Mahkamah Sesyen atas tiga tuduhan pengubahan wang haram iaitu menerima wang berjumlah RM27 juta hasil kegiatan haram menerusi tiga akaun bank Am-Private Banking miliknya pada 8 Julai 2014 di AmIslamic Bank Berhad, Jalan Raja Chulan.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-dua sekali, jika sabit kesalahan.

Kes itu kemudian dipindahkan ke Mahkamah Tinggi pada 13 Mac 2019.

Najib sebelum ini memohon pertuduhan tersebut digugurkan melalui representasi yang dihantar ke Jabatan Peguam Negara pada 31 Julai 2023 namun pada 11 Jun lalu, pihak pendakwaan memaklumkan bahawa representasi itu telah ditolak.

Sehubungan itu, peguam belanya, Tan Sri Muhammad Shafie Abdullah mengemukakan permohonan rasmi agar anak guamnya itu diberikan perintah DNAA.